

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 12

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan pendirian terhadap Kempen Utamakan Produk Muslim dan implikasi kempen tersebut terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) milikan penuh Bumiputera Islam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kempen “*Buy Muslim First (BMF)*” atau “Beli Barangan Muslim Dulu” merupakan kempen yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan Islam Malaysia, sebuah pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang menggalakkan pengguna menyokong barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga Muslim di Malaysia.
2. MED tiada halangan dengan penganjuran kempen “Beli Barangan Muslim Dulu” selagi mana ianya tidak menghalang pembelian produk lain di dalam pasaran. Tambahan pula, kuasa beli barangan dan perkhidmatan terletak kepada pengguna semata-mata berdasarkan pilihan dan keselesaan masing-masing (*consumer’s choice*).
3. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk membangunkan keusahawanan secara bersepadu dan inklusif yang merangkumi semua usahawan di Malaysia tanpa mengira perbezaan kaum. Kementerian tidak akan sekali-kali menyokong sebarang kempen jualan sekiranya ianya berbaur perkauman.
4. MED juga sedang dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan usahawan-usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam dasar perolehan Kerajaan (*carve out policy*) bagi mengutamakan produk dan perkhidmatan tempatan sebagaimana strategi yang digariskan di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030).

Sekian, terima kasih.